

## KENYATAAN MEDIA

### PERTANDINGAN DEKLAMASI SAJAK 2012

Pertandingan Deklamasi Sajak Petaling Jaya 2012 merupakan acara tahunan yang sering dianjurkan oleh Bahagian Perpustakaan & Pengurusan Maklumat yang dikelolakan oleh Unit Muzium Petaling Jaya. Tahun ini merupakan tahun ke 6 pertandingan ini dianjurkan bagi menyemarakkan lagi sambutan Ulangtahun Bandaraya Petaling Jaya yang masuk kali ke 6.

Pertandingan Deklamasi Sajak ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu Kategori Sekolah Rendah, Kategori Sekolah Menengah dan Kategori Dewasa Terbuka. Pada pertandingan ini juga, setiap sajak itu mestilah berkisarkan tentang Petaling Jaya dengan tema “Petaling Jaya Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari”.

Antara objektif pertandingan ini diadakan ialah untuk mengasah bakat-bakat baru dan meningkatkan daya kreativiti pelajar sambil memupuk semangat cintakan tanahair. Pertandingan ini juga diharap dapat menggalakkan para pelajar untuk menghayati dan menghargai keamanan, kemakmuran, kesejahteraan serta kemajuan yang telah dicapai oleh Bandaraya Petaling Jaya mahupun Malaysia secara amnya. Di samping itu juga, pertandingan sajak ini diharapkan dapat menyemai semangat perpaduan diantara kaum serta menerapkan nilai-nilai murni di kalangan para pelajar.

Pertandingan Deklamasi Sajak ini akan diadakan pada Sabtu, 24 Mac 2012 bertempat di Muzium Petaling Jaya dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari. Sebarang makluman ataupun pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi Muzium Petaling Jaya, Seksyen 10/7, Seksyen 10 Taman Jaya, 46000 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7954 8122.

**Di sediakan oleh:**

**Sekretariat Media  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : pjcitycouncil, emel : media@mbpj.gov.my  
Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my